

Konsep Kendiri Remaja (part 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

a) Pengaruh ibu bapa

Ibu bapa masih merupakan orang yang terpenting yang mengesani pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja selain daripada kawan-kawan, teman istimewa dan guru. Tugas ibu bapa lebih besar, kerana jika tersalah didikan akan menimbulkan masalah dalam masyarakat. Sebaliknya, jika rasa yang baik ditanamkan dalam diri anak-anak dengan memberi kasih sayang yang sempurna, keperibadian dan tingkah laku anak ketika remaja tentu tidak akan terjejas. Pembentukan peribadi remaja dipengaruhi oleh perkembangan mereka dan ia bermula pada usia 13 tahun. Ketika ini, mereka mula mencari kebebasan tetapi bukanlah kebebasan sepenuhnya. Dalam usaha remaja mencari identitinya, ibu bapa perlu membimbing mereka dengan cara membelai. Remaja perlu dibelai, dipupuk dengan kasih sayang dan dijaga dengan baik. Ini kerana, pada peringkat ini remaja masih belum matang dalam beberapa aspek tertentu seperti perkembangan mental, sosial, intelektual dan emosi.